

TARGET

PBD

MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

EKONOMI

TINGKATAN
5
KSSM

Muruga Krishnan (*Guru Cemerlang*)
Rasna Junus
Hafiz J.



PEMBELAJARAN DIGITAL

- ⚡ Info
- ⚡ Video
- ⚡ Kertas Model SPM
- ⚡ POT



PEMERKASAAN **PBD & SPM**

- ⚡ Nota Ekspres
- ⚡ Modul PBD
 - ▶ Praktis Topikal
 - ▶ KBAT & i-THINK
- ⚡ Modul SPM
 - ▶ Ujian Topikal
 - ▶ Kertas Model SPM
- ⚡ Jawapan Kod QR

TARGET

PBD

MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

TINGKATAN
5
KSSM

EKONOMI

Muruga Krishnan (*Guru Cemerlang*)
Rasna Junus
Hafiz J.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (89120-H)

PENERBITAN PELANGI SDN. BHD. (89120-H)

Ibu Pejabat:

66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, Malaysia.
Tel: 07-331 6288
E-mel: pelangi@pelangibooks.com

Pejabat Jualan:

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 03-8922 3993
Pertanyaan: customerservice@pelangibooks.com

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 2025

An ISO 9001:2015 QMS certified company

*Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, sama ada dengan cara elektronik, sawat, gambar, rakaman, atau sebagainya, tanpa kebenaran daripada **Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** terlebih dahulu.*

ISBN: 978-629-470-909-6

Cetakan Pertama 2025

REKOD PENTAKSIRAN MURID

EKONOMI Tingkatan 5

Nama:

Tingkatan:

| BAB | STANDARD PRESTASI | | PENCAPAIAN | |
|---|---------------------------------------|--|------------------|---------------------------|
| | TAHAP PENGUASAAN | DESKRIPTOR | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| 1 EKONOMI DAN KERAJAAN | Peranan Kerajaan dalam Ekonomi | | | |
| | 1 | Menyatakan tiga peranan kerajaan dalam ekonomi | | |
| | 2 | Menghuraikan tiga peranan kerajaan dalam ekonomi | | |
| | 3 | Menjelaskan tiga peranan kerajaan dalam ekonomi dan memberi contoh dasar, program dan alat yang berkaitan dengan peranan tersebut | | |
| | 4 | Menganalisis dan menghubungkait ketiga-tiga peranan kerajaan dengan tujuan menjaga kebijakan masyarakat dan meningkatkan kemakmuran negara | | |
| | 5 | Meramalkan apa yang akan berlaku kepada ekonomi negara tanpa peranan kerajaan | | |
| | 6 | Menganalisis ketiga-tiga peranan kerajaan dan memberi cadangan skop peranan | | |
| Penunjuk Ekonomi | | | | |
| | 1 | Menyatakan penunjuk yang digunakan untuk mengukur prestasi ekonomi sesebuah negara | | |
| | 2 | Menerangkan maksud inflasi, pengangguran dan KDNK | | |

| BAB | STANDARD PRESTASI | | PENCAPAIAN | |
|---|---------------------------|--|----------------------|----------------------------|
| | TAHAP PENGUASAAN | DESKRIPTOR | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| | 3 | Menjelaskan perubahan corak inflasi, kadar pengangguran dan pertumbuhan ekonomi dalam satu jangka masa berdasarkan data sebenar | | |
| | 4 | Menganalisis sebab dan akibat inflasi, pengangguran dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia | | |
| | 5 | Membandingkan kadar pertumbuhan ekonomi, kadar inflasi dan kadar pengangguran Malaysia antara beberapa tahun dan membuat kesimpulan serta memberi justifikasi mengenai corak penunjuk ekonomi tersebut | | |
| | 6 | Mencadangkan tindakan oleh masyarakat/ individu menangani kesan inflasi dan pengangguran serta cara menggalakkan pertumbuhan ekonomi | | |
| 1 EKONOMI DAN KERAJAAN | Alat Dasar Ekonomi | | | |
| | 1 | Menyatakan maksud dasar fiskal dan dasar kewangan serta menyenaraikan alat yang digunakan untuk setiap dasar tersebut | | |
| | 2 | Menghuraikan dasar fiskal dan dasar kewangan | | |
| | 3 | Mengkategorikan komponen alat dasar fiskal dan alat dasar kewangan berdasarkan data dari laporan ekonomi | | |
| | 4 | Menganalisis pelbagai kesan dasar fiskal dan dasar kewangan negara dalam mengawal ekonomi | | |

| BAB | STANDARD PRESTASI | | PENCAPAIAN | |
|---|-------------------|---|---------------|---------------------|
| | TAHAP PENGUASAAN | DESKRIPTOR | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| 1 EKONOMI DAN KERAJAAN | 5 | Menilai kesan yang berbeza ke atas objektif makroekonomi negara dengan penggunaan alat-alat dasar ekonomi berdasarkan situasi | | |
| | 6 | Membandingkan bajet negara antara dua tahun yang berlainan dan menghasilkan bajet baru sebagai cadangan | | |

Tahap Penguasaan Bab 1

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

| Globalisasi | |
|--|---|
| 2 MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL | 1 Menyatakan maksud globalisasi |
| | 2 Menerangkan faktor penggalak globalisasi |
| | 3 Mengemukakan bukti kewujudan globalisasi di Malaysia dari aspek pengoperasian syarikat multinasional dan pelaburan langsung asing |
| | 4 Menganalisis faktor penggalak globalisasi di Malaysia berdasarkan contoh |
| | 5 Menilai kesan pelaburan langsung asing ke atas ekonomi negara |
| | 6 Mencadangkan cara individu dan masyarakat boleh memanfaatkan faktor penggalak globalisasi |
| Perdagangan Antarabangsa | |
| | 1 Menyatakan maksud perdagangan antarabangsa |
| | 2 Menerangkan kepentingan perdagangan antarabangsa dan tujuan sekatannya |

| BAB | STANDARD PRESTASI | | PENCAPAIAN | |
|--|----------------------------|---|---------------|---------------------|
| | TAHAP PENGUASAAN | DESKRIPTOR | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| 2 MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL | 3 | Mengenal pasti bentuk dan tujuan sekatan perdagangan antarabangsa berdasarkan contoh | | |
| | 4 | Menganalisis kesan tarif, subsidi dan kuota ke atas perdagangan antarabangsa | | |
| | 5 | Menilai kebaikan dan keburukan sekatan perdagangan antarabangsa dan liberalisasi berdasarkan situasi | | |
| | 6 | Menilai kewajaran kewujudan perjanjian perdagangan dan blok ekonomi atas negara ahli, negara bukan ahli perdagangan dunia | | |
| | Imbangan Pembayaran | | | |
| | 1 | Menyatakan maksud imbangan pembayaran dan imbangan dagangan | | |
| | 2 | Menerangkan struktur akaun semasa dan komposisi perdagangan Malaysia | | |
| | 3 | Membuat kesimpulan mengenai imbangan akaun semasa dari data yang diberi | | |
| | 4 | Menganalisis sebab dan implikasi defisit lebihan dalam akaun semasa | | |
| | 5 | Menilai melalui analisis kedudukan akaun semasa negara defisit untuk satu tahun dan menilai sebab dan implikasinya | | |
| | 6 | Mencadangkan cara memperbaiki imbangan pembayaran defisit | | |

| BAB | STANDARD PRESTASI | | PENCAPAIAN | |
|-------------------------------|---------------------|--|------------------|---------------------------|
| | TAHAP PENGUASAAN | DESKRIPTOR | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| Kadar Pertukaran Asing | | | | |
| | 1 | Mendefinisikan kadar pertukaran asing | | |
| | 2 | Mengira kadar pertukaran asing berdasarkan harga belian dan harga jualan | | |
| | 3 | Menerangkan penentuan kadar pertukaran asing | | |
| | 4 | Menjelaskan faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing | | |
| | 5 | Menganalisis penentuan dan perubahan kadar pertukaran asing menggunakan gambar rajah permintaan dan penawaran | | |
| | 6 | Menilai kesan penurunan kadar pertukaran asing ke atas harga barang import dan eksport Malaysia | | |
| | | Membuat generalisasi antara hubungan kadar pertukaran asing dengan imbalan pembayaran dan seterusnya implikasi kepada ekonomi negara | | |

Tahap Penguasaan Bab 2

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

KANDUNGAN

Rekod Pentaksiran Murid Ekonomi Tingkatan 5

iii – vii

Nota Ekspres

N1 – N15

Modul PBD

1 – 78

BAB 1A

Peranan Kerajaan dalam Ekonomi

1

| | | |
|-------|---|----|
| 1.1.1 | Peranan Kerajaan sebagai Pengeluar dan Majikan | 1 |
| | (Info eP+ PPT) | |
| 1.1.2 | Peranan Kerajaan untuk Mencapai Objektif Makroekonomi Negara | 3 |
| | (Info eP+) | |
| 1.1.3 | Peranan Kerajaan dalam Mengawal Selia Pengeluar dan Eksternaliti Negatif | 7 |
| | (eP+ PAK-21) | |
| 1.1.4 | Matlamat Kerajaan untuk Menjaga Kebajikan Masyarakat dan Meningkatkan Kemakmuran Negara | 10 |
| | (eP+ Praktis) | |

BAB 1B

Penunjuk Ekonomi

14

| | | |
|-------|--------------------------------------|----|
| 1.2.1 | Indeks Harga Pengguna | 14 |
| | (Info eP+ PPT) | |
| 1.2.2 | Inflasi | 15 |
| 1.2.3 | Kesan Inflasi | 15 |
| | (Video eP+ PAK-21) | |
| 1.2.4 | Pengangguran | 16 |
| 1.2.5 | Jenis Pengangguran | 17 |
| | (Info eP+) | |
| 1.2.6 | Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) | 18 |
| | (Video eP+) | |
| 1.2.7 | Pertumbuhan Ekonomi Malaysia | 19 |
| | (Video eP+) | |
| 1.2.8 | Sebab dan Akibat Pertumbuhan Ekonomi | 20 |
| | (eP+ Praktis) | |

BAB 1C

Alat Dasar Ekonomi

26

| | | |
|--------------|---|----|
| 1.3.1 | Dasar Fiskal | 26 |
| | | |
| 1.3.2 | Hasil Kerajaan | 27 |
| 1.3.3 | Kesan Cukai Progresif, Regresif dan Berkadar Malar atas Agihan Pendapatan | 28 |
| | | |
| 1.3.4 | Perbelanjaan Kerajaan | 29 |
| 1.3.5 | Belanjawan Negara | 30 |
| 1.3.6 | Dasar Kewangan | 31 |
| 1.3.7 | Alat Dasar Kewangan | 32 |
| | | |
| 1.3.8 | Kesan Kadar Faedah sebagai Alat Dasar Kewangan dalam Ekonomi | 34 |
| 1.3.9 | Kesan Alat Dasar Ekonomi atas Objektif Makroekonomi Negara | 35 |
| | | |

BAB 2A

Globalisasi

40

| | | |
|--------------|------------------------------|----|
| 2.1.1 | Globalisasi | 40 |
| | | |
| 2.1.2 | Syarikat Multinasional | 42 |
| | | |
| 2.1.3 | Faktor Penggalak Globalisasi | 43 |
| | | |
| 2.1.4 | Pelaburan Langsung Asing | 45 |
| | | |

BAB 2B

Perdagangan Antarabangsa

50

| | | |
|--------------|--|----|
| 2.2.1 | Perdagangan Antarabangsa | 50 |
| | | |
| 2.2.2 | Kepentingan Perdagangan Antarabangsa | 51 |
| | | |
| 2.2.3 | Sekatan Perdagangan Antarabangsa | 52 |
| 2.2.4 | Kesan Tarif, Subsidi dan Kuota terhadap Perdagangan Antarabangsa | 53 |
| | | |
| 2.2.5 | Kebaikan dan Keburukan Sekatan Perdagangan Antarabangsa dan Liberalisasi Perdagangan | 56 |
| | | |
| 2.2.6 | Blok Ekonomi dan Perjanjian Perdagangan | 58 |
| | | |

| | | |
|--------------|---|----|
| 2.2.7 | Kesan Blok Ekonomi dan Perjanjian Perdagangan | 59 |
|--------------|---|----|

Video 
Praktis

BAB 2c Imbangan Pembayaran 60

| | | |
|--|---|----|
| 2.3.1 | Komposisi Dagangan dan Arah Aliran Perdagangan Malaysia | 60 |
|   Info PPT | | |
| 2.3.2 | Imbangan Pembayaran | 63 |
|  Info | | |
| 2.3.3 | Akaun Semasa dalam Imbangan Pembayaran | 63 |
| 2.3.4 | Defisit dan Lebihan Akaun Semasa | 64 |
|   Video PAK-21 | | |
| 2.3.5 | Sebab dan Implikasi Lebihan dan Defisit Akaun Semasa | 65 |
|   Video Praktis | | |

BAB 2D Kadar Pertukaran Asing 69

| | | |
|--|--|----|
| 2.4.1 | Pertukaran Asing | 69 |
|   Info PPT | | |
| 2.4.2 | Pengiraan Kadar Pertukaran Asing | 70 |
|  Info | | |
| 2.4.3 | Faktor yang Mempengaruhi Permintaan dan Penawaran Mata Wang Asing | 72 |
|  PAK-21 | | |
| 2.4.4 | Analisis Penentuan dan Perubahan Kadar Pertukaran Asing | 73 |
|  Video | | |
| 2.4.5 | Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing terhadap Eksport dan Import | 76 |
|   Video Praktis | | |

MODUL SPM 79 – 118

- ▷ Ujian 1
- ▷ Ujian 2
- ▷ Kertas Model SPM
- ▷ eKertas Model SPM 

▷▷▷ JAWAPAN

<https://qr.pelangibooks.com/?u=JwpTargetEkonTg5>



NOTA EKSPRES

BAB
1

Ekonomi dan Kerajaan

1.1 Peranan Kerajaan dalam Ekonomi

1. Peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan:

- (a) Sebagai pengeluar yang menyediakan barang awam dan barang sosial

| Barang awam | Barang sosial |
|--|--|
| Barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada semua anggota masyarakat dan tidak bermotifkan keuntungan seperti jalan raya. | Barang atau perkhidmatan yang membawa manfaat terbesar kepada semua masyarakat seperti bekalan air bersih. |

- (b) Monopoli semula jadi kerajaan

Maksud: Pengeluaran barang atau perkhidmatan yang hanya dibenarkan untuk firma yang berkaitan kerajaan.

Ciri-ciri monopoli semula jadi kerajaan:

Satu firma sahaja

Keluaran tidak ada pengganti

Penentu harga pasaran

Tiada kebebasan keluar masuk industri

- (c) Peranan kerajaan sebagai majikan

– Menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam.

2. Peranan kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi negara:

- Maksud makroekonomi: Kajian mengenai ekonomi secara menyeluruh dalam isu umum seperti pendapatan atau keluaran negara, guna tenaga dan masalah pengangguran.
- Objektif makroekonomi terdiri daripada guna tenaga penuh, kestabilan harga,

pertumbuhan ekonomi dan kestabilan imbalan pembayaran.

– Kesan pencapaian guna tenaga penuh ialah:

- (a) Pengurangan kadar pengangguran
- (b) Pengeluaran barang dan perkhidmatan yang banyak
- (c) Peningkatan tingkat pendapatan negara
- (d) Pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi
- (e) Peningkatan taraf hidup penduduk

– Kesan pertumbuhan ekonomi ialah:

- (a) Peningkatan dalam kegiatan ekonomi
- (b) Penambahan peluang pekerjaan
- (c) Peningkatan guna tenaga
- (d) Penurunan kadar pengangguran
- (e) Peningkatan pendapatan negara
- (f) Peningkatan kuasa beli masyarakat
- (g) Peningkatan permintaan agregat
- (h) Peningkatan taraf hidup masyarakat

3. Peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif:

- (a) Aktiviti pengeluaran firma boleh menjelaskan kebijakan masyarakat melalui dua cara iaitu:

- Mengexploitasi pengguna
- Menimbulkan eksternaliti negatif

- (b) Cara mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif termasuk:

- Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan
- Pemberian subsidi
- Mengenakan cukai

1.2 Penunjuk Ekonomi

Indeks Harga Pengguna

- Maksud:** Mengukur perubahan harga purata sekumpulan barang dan perkhidmatan yang terpilih dalam ekonomi bagi suatu tahun berbanding dengan suatu tahun dasar.
- Indeks harga pengguna diukur berdasarkan 12 kumpulan barang dan perkhidmatan utama mengikut Klasifikasi Penggunaan Individu Mengikut Tujuan (COICOP) yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- Peningkatan dalam indeks harga pengguna menunjukkan peningkatan dalam tingkat harga umum secara berterusan yang dikenal sebagai inflasi.

Inflasi

- Maksud:** Kenaikan tingkat harga umum barang dan perkhidmatan secara berterusan dalam sesebuah ekonomi.
- Jenis inflasi terdiri daripada:
 - Inflasi tarikan permintaan
 - Inflasi tolakan kos
 - Inflasi diimport

- Inflasi memberi kesan kepada harga barang, pengangguran, tabungan, eksport, pendapatan dan kadar faedah.

Pengangguran

- Maksud:** Satu keadaan di mana terdapat tenaga buruh yang sanggup bekerja tetapi tidak mendapat pekerjaan.

Tenaga buruh

Penduduk yang berumur 15 tahun hingga 64 tahun yang sedang bekerja atau sedang aktif mencari pekerjaan.

Guna tenaga

Jumlah tenaga buruh yang bekerja dalam pelbagai kegiatan ekonomi.

Pengangguran

Penduduk yang berumur 15 tahun hingga 64 tahun yang sedang aktif mencari pekerjaan.

- Kesan pengangguran terhadap ekonomi negara ialah:

Pendapatan negara sebenar kurang daripada pendapatan negara potensi

Hasil kerajaan berkurangan kerana kutipan cukai pendapatan kurang

Ketidakcekapan dalam pengeluaran dan pembaziran sumber ekonomi

Menghalang pertumbuhan ekonomi akibat pelbagai masalah sosial

Taraf hidup masyarakat menurun kerana kuasa beli telah menurun

- Kesan pengangguran terhadap masalah sosial negara ialah:

Kesan pengangguran terhadap masalah sosial negara

→ Kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat akan meningkat

→ Menimbulkan masalah kekeluargaan dalam masyarakat

→ Masalah kehilangan kemahiran dan keyakinan diri

→ Peningkatan kes jenayah dalam negara



4. Jenis pengangguran terdiri daripada:

- (a) Pengangguran kitaran
- (b) Pengangguran berstruktur
- (c) Pengangguran geseran

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

1. **Maksud:** Jumlah nilai pasaran barang dan perkhidmatan akhir yang dikeluarkan oleh semua faktor pengeluaran dalam sesebuah negara dalam tempoh setahun.
2. Dua pendekatan pengiraan KDNK ialah pendekatan keluaran dan pendekatan perbelanjaan.

Pendekatan keluaran

KDNK diperoleh dengan menjumlahkan nilai ditambah yang dihasilkan oleh pelbagai sektor ekonomi di negara bagi tempoh satu tahun.

Pendekatan perbelanjaan

KDNK diperoleh dengan menjumlahkan semua perbelanjaan atas barang akhir dan perkhidmatan yang dihasilkan dalam ekonomi bagi tempoh satu tahun.

Pertumbuhan ekonomi

1. **Maksud:** Merujuk kepada perkembangan kegiatan ekonomi dari semasa ke semasa yang menyebabkan peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar.
2. Apabila berlaku pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah negara, barang dan perkhidmatan yang dapat dikeluarkan akan meningkat. Ini akan membawa kepada peningkatan dalam pendapatan negara.
3. Kepentingan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan ialah:

Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan supaya kadar pengangguran dalam negara menurun


Meningkatkan taraf kebajikan masyarakat

Mengurangkan kadar kemiskinan terutama penduduk tinggal di luar bandar

Merapatkan jurang pendapatan

Mempercepat penyediaan kemudahan perumahan, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan asas

4. Sebab dan akibat berlaku pertumbuhan ekonomi termasuk:



1.3 (Alat Dasar Ekonomi

1. Alat dasar ekonomi terdiri daripada:
 - (a) Dasar fiskal – Perubahan dasar cukai dan perbelanjaan kerajaan untuk menstabilkan ekonomi.
 - (b) Dasar kewangan – Kawal bekalan wang dan kadar faedah untuk menstabilkan ekonomi.
2. Dua jenis dasar fiskal ialah:

| Aspek | Dasar fiskal mengembang | Dasar fiskal menguncup |
|---|---|--|
| Masalah ekonomi yang boleh diselesaikan | Pengangguran/kemelesetan ekonomi | Inflasi |
| Tujuan | Meningkatkan permintaan agregat | Mengurangkan permintaan agregat |
| Cara | Menurunkan kadar cukai dan menambah perbelanjaan kerajaan | Menaikkan kadar cukai dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan |

3. Hasil kerajaan terdiri daripada:

| Hasil cukai | | Hasil bukan cukai |
|--|--|--|
| Cukai langsung | Cukai tak langsung | |
| Beban cukainya tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain | Beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain | <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran denda dan penalti • Bayaran lesen dan permit • Faedah dan pulangan pelaburan kerajaan • Dividen, royalti petroleum dan gas asli • Bayaran sewa, harta atau aset kerajaan • Pemberian kerajaan luar negara dan agensi antarabangsa • Dividen daripada saham dan GLC |
| Terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> • Cukai pendapatan individu • Cukai pendapatan syarikat • Cukai pendapatan koperasi • Cukai pendapatan petroleum • Cukai langsung yang lain seperti cukai keuntungan hartanah, duti setem, cukai tanah dan cukai pintu | Terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> • Duti eksais • Duti import • Duti eksport • Cukai barang dan perkhidmatan (GST) • Cukai perjudian • Levi | |

4. Kesan cukai progresif, regresif dan berkadar malar atas agihan pendapatan

| | |
|-----------------------------|---|
| Cukai progresif | Kadar cukai semakin meningkat apabila pendapatan bertambah seperti cukai pendapatan individu. |
| Cukai regresif | Kadar cukai semakin menurun apabila pendapatan bertambah seperti cukai barang dan perkhidmatan (GST). |
| Cukai berkadar malar | Kadar cukai tetap walaupun pendapatan berubah seperti cukai pendapatan syarikat. |



5. Perbelanjaan kerajaan terdiri daripada:

| Perbelanjaan mengurus | Perbelanjaan pembangunan |
|---|---|
| Ciri: <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan berulang • Perbelanjaan semasa • Agar operasi kerajaan berjalan lancar • Jumlah yang besar | Ciri: <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan pelaburan kerajaan • Pembentukan modal negara • Menambah peluang pekerjaan, pendapatan negara dan taraf hidup |
| Jenis: <ul style="list-style-type: none"> • Emolumen • Bayaran khidmat hutang • Bekalan dan perkhidmatan • Pencen dan ganjaran • Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri • Pemberian subsidi • Biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerajaan | Jenis: <ul style="list-style-type: none"> • Sektor perkhidmatan ekonomi • Sektor perkhidmatan sosial • Sektor keselamatan • Sektor pentadbiran am |

6. Belanjawan negara

| | |
|---------------|--|
| Maksud | Penyata yang menunjukkan anggaran jumlah hasil dan anggaran jumlah perbelanjaan kerajaan untuk tahun kewangan akan datang. |
| Tujuan | <ul style="list-style-type: none"> • Agar perbelanjaan tidak melebihi hasil • Mencapai matlamat ekonomi • Mencapai pembangunan dan pertumbuhan ekonomi • Mencapai kestabilan ekonomi |
| Jenis | Belanjawan lebihan: Hasil kerajaan melebihi perbelanjaan kerajaan Belanjawan defisit: Hasil kerajaan kurang daripada perbelanjaan kerajaan Belanjawan seimbang: Hasil kerajaan sama dengan perbelanjaan kerajaan |

7. Jenis dasar kewangan

| Aspek | Dasar kewangan mengembang | Dasar kewangan menguncup |
|---|---|---|
| Masalah ekonomi yang boleh diselesaikan | Pengangguran/kemelesetan ekonomi | Inflasi |
| Tujuan | Menambah bekalan wang dalam ekonomi | Mengurangkan bekalan wang dalam ekonomi |
| Cara | <ul style="list-style-type: none"> • Menurunkan nisbah rizab berkanun • Menurunkan nisbah rizab tunai • Membeli surat jaminan kerajaan • Melonggarkan syarat sewa beli • Menurunkan kadar faedah | <ul style="list-style-type: none"> • Menaikkan nisbah rizab berkanun • Menaikkan nisbah rizab tunai • Menjual surat jaminan kerajaan • Mengetatkan syarat sewa beli • Menaikkan kadar faedah |

8. Alat dasar kewangan

| Jenis | Nisbah rizab berkanun | Nisbah rizab tunai | Syarat sewa beli | Surat jaminan kerajaan | Kadar faedah |
|--------|--|--|--|---|--|
| Maksud | Simpanan wajib bank perdagangan di bank pusat berdasarkan jumlah deposit yang diterima | Simpanan wajib bank perdagangan di bank itu sendiri berdasarkan jumlah deposit yang diterima | Syarat dan terma semasa membuat pinjaman sewa beli | Surat bertulis kerajaan untuk memperoleh pinjaman | Kos yang ditanggung oleh peminjam apabila membuat pinjaman |



| Jenis | Nisbah rizab berkanun | Nisbah rizab tunai | Syarat sewa beli | Surat jaminan kerajaan | Kadar faedah |
|--|--|--|--|--|---|
| Tindakan semasa inflasi | | | | | |
| | Kadar dinaikkan | Kadar dinaikkan | Syarat diketatkan | Menjual | Kadar dinaikkan |
| Kesan kepada: | | | | | |
| Bank perdagangan | Kurang berupaya memberi pinjaman | Kurang berupaya memberi pinjaman | Kurang pelanggan membuat pinjaman sewa beli | Kurang berupaya memberi pinjaman | Deposit pelanggan meningkat dan permohonan pinjaman berkurang |
| Bekalan wang | Berkurang | Berkurang | Berkurang | Berkurang | Berkurang |
| Kuasa beli masyarakat | Berkurang | Berkurang | Berkurang | Berkurang | Berkurang |
| Tingkat harga umum | Jatuh | Jatuh | Jatuh | Jatuh | Jatuh |
| Tindakan semasa kemelesetan ekonomi | | | | | |
| | Kadar diturunkan | Kadar diturunkan | Syarat dilonggarkan | Membeli | Kadar diturunkan |
| Kesan kepada: | | | | | |
| Bank perdagangan | Berupaya memberi lebih banyak pinjaman | Berupaya memberi lebih banyak pinjaman | Lebih ramai pelanggan membuat pinjaman sewa beli | Berupaya memberi lebih banyak pinjaman | Deposit pelanggan berkurang dan permohonan pinjaman meningkat |
| Bekalan wang | Bertambah | Bertambah | Bertambah | Bertambah | Bertambah |
| Kuasa beli masyarakat | Bertambah | Bertambah | Bertambah | Bertambah | Bertambah |
| Tingkat harga umum | Naik | Naik | Naik | Naik | Naik |

9. Kesan kadar faedah sebagai alat dasar kewangan dalam ekonomi

| | Kadar faedah dinaikkan | Kadar faedah diturunkan |
|-----------------------------------|--|---|
| Kesan terhadap pengguna | <ul style="list-style-type: none"> • Kos pinjaman meningkat • Jumlah pinjaman berkurang • Menghadkan perbelanjaan pengguna | <ul style="list-style-type: none"> • Kos pinjaman berkurang • Jumlah pinjaman meningkat • Memperbanyakkan perbelanjaan pengguna |
| Kesan terhadap firma | <ul style="list-style-type: none"> • Kos pinjaman meningkat • Jumlah pinjaman berkurang • Modal kewangan firma berkurang • Pelaburan berkurang • Daya saing firma menurun | <ul style="list-style-type: none"> • Kos pinjaman berkurang • Jumlah pinjaman meningkat • Modal kewangan firma meningkat • Pelaburan meningkat • Daya saing firma meningkat |
| Kesan terhadap kestabilan ekonomi | <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan agregat pengguna berkurang • Pelaburan firma berkurang • Pengeluaran barang berkurang • Masalah inflasi dapat dikawal • Sekiranya kadar faedah masih dinaikkan, kadar pengangguran akan meningkat | <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan agregat pengguna meningkat • Pelaburan firma meningkat • Pengeluaran barang meningkat • Masalah pengangguran dan kemelesetan ekonomi dapat dikawal • Sekiranya kadar faedah masih diturunkan, kadar inflasi akan meningkat |



10. Analisis kesan alat dasar ekonomi ke atas objektif makroekonomi negara

| Alat dasar ekonomi | | Guna tenaga penuh | Kestabilan harga | Pertumbuhan ekonomi | Kestabilan imbalan pembayaran |
|----------------------------|---------|-----------------------|-----------------------------|-----------------------------------|---|
| Alat dasar fiskal | | | | | |
| Kadar cukai | Naik | Guna tenaga berkurang | Tingkat harga umum menurun | Pertumbuhan ekonomi yang perlahan | Aliran masuk wang ke dalam negara merosot |
| | Turun | Guna tenaga bertambah | Tingat harga umum meningkat | Pertumbuhan ekonomi yang tinggi | Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat |
| Perbelanjaan kerajaan | Tambah | Guna tenaga bertambah | Tingat harga umum meningkat | Pertumbuhan ekonomi yang tinggi | Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat |
| | Kurang | Guna tenaga berkurang | Tingkat harga umum menurun | Pertumbuhan ekonomi yang perlahan | Aliran masuk wang ke dalam negara merosot |
| Alat dasar kewangan | | | | | |
| Nisbah rizab berkanun | Naik | Guna tenaga berkurang | Tingkat harga umum menurun | Pertumbuhan ekonomi yang perlahan | Aliran masuk wang ke dalam negara merosot |
| | Turun | Guna tenaga bertambah | Tingat harga umum meningkat | Pertumbuhan ekonomi yang tinggi | Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat |
| Nisbah rizab tunai | Naik | Guna tenaga berkurang | Tingkat harga umum menurun | Pertumbuhan ekonomi yang perlahan | Aliran masuk wang ke dalam negara merosot |
| | Turun | Guna tenaga bertambah | Tingat harga umum meningkat | Pertumbuhan ekonomi yang tinggi | Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat |
| Syarat sewa beli | Ketat | Guna tenaga berkurang | Tingkat harga umum menurun | Pertumbuhan ekonomi yang perlahan | Aliran masuk wang ke dalam negara merosot |
| | Longgar | Guna tenaga bertambah | Tingat harga umum meningkat | Pertumbuhan ekonomi yang tinggi | Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat |
| Surat jaminan kerajaan | Jual | Guna tenaga berkurang | Tingkat harga umum menurun | Pertumbuhan ekonomi yang perlahan | Aliran masuk wang ke dalam negara merosot |
| | Beli | Guna tenaga bertambah | Tingat harga umum meningkat | Pertumbuhan ekonomi yang tinggi | Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat |
| Kadar faedah | Naik | Guna tenaga berkurang | Tingkat harga umum menurun | Pertumbuhan ekonomi yang perlahan | Aliran masuk wang ke dalam negara merosot |
| | Turun | Guna tenaga bertambah | Tingat harga umum meningkat | Pertumbuhan ekonomi yang tinggi | Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat |

BAB 2 ►► Malaysia dan Ekonomi Global

6.1 Globalisasi

1. Globalisasi ialah proses interaksi dan integrasi antara manusia, firma dan kerajaan pelbagai negara.

2. Ciri-ciri globalisasi ialah:

Peserta baharu

Pasaran baharu

Kaedah komunikasi baharu

Peraturan dan norma baharu

3. Faktor penggalak globalisasi termasuk:

(a) Peranan kerajaan

(b) Infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi yang maju

(c) Infrastruktur pengangkutan yang baik

(d) Pelancongan

Syarikat Multinasional

1. Syarikat multinasional ialah firma yang beroperasi di beberapa negara secara serentak.

2. Faktor yang mendorong syarikat memasuki operasi antarabangsa ialah:

(a) Meluaskan pasaran

(b) Perlindungan perdagangan

(c) Kos pengangkutan yang tinggi

(d) Bahan mentah dan hasil bumi yang unik

(e) Tenaga buruh dengan kemahiran khusus

3. Risiko bagi syarikat multinasional ialah:

(a) Risiko kehilangan aset

(b) Risiko politik

(c) Kekurangan kemudahan asas

(d) Tenaga buruh

(e) Bantahan masyarakat tempatan

(f) Risiko kesukaran mendapat balik keuntungan

Pelaburan Langsung Asing

1. Pelaburan langsung asing (FDI) ialah pelaburan yang dibuat oleh firma dari luar negara untuk memulakan operasi perniagaan atau membeli aset perniagaan di Malaysia.

2. Cara melakukan pelaburan langsung asing ialah:

Membina kemudahan pengeluaran

Usaha sama

Pengambilalihan

Subsidiari

3. Kesan positif pelaburan langsung asing ialah:

(a) Pertumbuhan ekonomi

(b) Pindahan teknologi

(c) Meningkatkan kemahiran modal insan

(d) Meningkatkan modal pelaburan

4. Kesan negatif pelaburan langsung asing ialah:

(a) Ketidakseimbangan pendapatan

(b) Kemusnahan alam sekitar

(c) Aliran untung ke luar negara



6.2 Perdagangan Antarabangsa

- Perdagangan Antarabangsa merujuk **urusan jual beli barang dan perkhidmatan antara sebuah negara dengan negara yang lain.**
- Ia terdiri daripada tiga aktiviti utama, iaitu import, eksport dan entrepot.
- Perdagangan Antarabangsa wujud disebabkan oleh:

| | |
|-----|-------------------------------|
| (a) | Sumber semula jadi |
| (b) | Tingkat kecekapan pengeluaran |
| (c) | Harga faktor |
| (d) | Iklim dan jenis tanah |
| (e) | Budaya masyarakat |
| (f) | Cita rasa pengguna |

- Kepentingan perdagangan Antarabangsa ialah:
 - Memperoleh barang yang tidak dikeluarkan di dalam negara
 - Meluaskan pasaran
 - Menambah pendapatan negara
 - Menggalakkan pemindahan dan penggunaan teknologi
 - Menikmati barang dengan harga yang lebih murah
 - Meningkatkan kecekapan pengeluaran
 - Menawarkan pilihan pengguna yang pelbagai
 - Menambah peluang pekerjaan
 - Menggalakkan mobiliti tenaga buruh
 - Menggalakkan pelaburan
 - Mewujudkan hubungan baik dengan rakan dagang

Sekatan Perdagangan Antarabangsa

- Sekatan perdagangan Antarabangsa merujuk **dasar perdagangan luar oleh kerajaan sesebuah negara untuk mengawal eksport dan import negara.**

- Bentuk sekatan perdagangan Antarabangsa termasuk:

| | |
|-----|--------------------------|
| (a) | Tarif |
| (b) | Subsidi |
| (c) | Kuota |
| (d) | Kawalan pertukaran asing |
| (e) | Embargo |
| (f) | Sekatan bukan ekonomi |

- Tujuan sekatan perdagangan Antarabangsa ialah:
 - Melindungi industri muda tempatan
 - Menghadapi persaingan
 - Sebagai sumber hasil kerajaan
 - Mewujudkan peluang pekerjaan
 - Memperbaikiimbangan pembayaran
 - Keselamatan
 - Mengatasi masalah lambakan

- Kebaikan sekatan perdagangan Antarabangsa ialah:

- Mengurangkan penawaran barang import
- Meningkatkan permintaan terhadap barang tempatan
- Mengurangkan pengangguran
- Meningkatkan pendapatan negara
- Memperbaikiimbangan pembayaran
- Melindungi industri muda tempatan

- Keburukan sekatan perdagangan Antarabangsa ialah:

- (a) Salah pengagihan sumber
- (b) Merugikan pengguna
- (c) Pengagihan pendapatan yang tidak adil
- (d) Mengurangkan eksport
- (e) Mewujudkan monopoli
- (f) Ketidakcekapan dalam industri tempatan

Liberalisasi Perdagangan

1. Liberalisasi perdagangan merujuk **tiada syarat pegangan atau sekatan dalam hubungan perdagangan antara sebuah negara dengan negara yang lain.**
2. Kebaikan liberalisasi perdagangan ialah:
 - (a) Interaksi dan transaksi antara negara-negara yang terlibat akan menjadi lebih intensif
 - (b) Memudahkan pergerakan barang, perkhidmatan dan sumber antara negara yang berbeza
 - (c) Mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan kecekapan pengeluaran dan daya saing negara
 - (d) Membolehkan penempatan sumber negara ke dalam industri yang sesuai untuk memperoleh keuntungan yang maksimum
 - (e) Memperoleh keuntungan dan berjaya menambah tenaga kepakaran dalam jangka panjang


- (f) Kemasukan pelaburan asing menambah modal dan merancakkan kadar pertumbuhan ekonomi negara
- (g) Membuka persaingan yang sihat, menggalakkan inovasi dan pemindahan teknologi
- (h) Memperluas pasaran pekerjaan

3. Kekurangan liberalisasi perdagangan ialah:

- (a) Industri tempatan tidak mampu bersaing dengan pelaburan asing yang memasuki pasaran tempatan
- (b) Sekatan pelaburan oleh negara maju dalam sesetengah industri
- (c) Kebanyakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) tidak bersifat dua hala, malah biasanya merugikan negara sedang membangun
- (d) Hasrat perkongsian kepakaran dan proses pemindahan teknologi tidak berlaku dengan sepenuhnya
- (e) Kebergantungan ekonomi negara terhadap pelaburan asing dan industri luar mendominasi pasaran tempatan

Kesan Pelaksanaan Tarif, Kuota dan Subsidi

Pelaksanaan tarif



Kesan positif tarif:


- Harga barang diimport meningkat
- Permintaan barang diimport menurun
- Permintaan barang tempatan meningkat
- Penawaran barang tempatan meningkat
- Jumlah barang diimport berkurang
- Perbelanjaan negara atas barang import menurun
- Kerajaan memperoleh hasil daripada kutipan tarif
- Peningkatan guna tenaga dalam negara

Kesan negatif tarif:


- Herutan dalam peruntukan sumber
- Pengguna terpaksa menanggung perbelanjaan yang lebih besar
- Pengguna terpaksa menggunakan barang kurang bermutu
- Kekurangan persaingan daripada luar negara mungkin mengurangkan daya saing industri penggantian import
- Menghadapi tindak balas yang sama daripada negara yang dikenakan tarif



Pelaksanaan subsidi



Pelaksanaan kuota



Kesan pemberian subsidi:

- Harga barang tempatan menurun
- Permintaan terhadap barang tempatan meningkat
- Penawaran barang tempatan meningkat
- Jumlah barang import berkurang
- Perbelanjaan negara atas barang import menurun
- Peningkatan guna tenaga dalam negara

Kesan kuota import:

- Harga barang diimport meningkat
- Permintaan barang diimport menurun
- Permintaan terhadap barang tempatan meningkat
- Penawaran barang tempatan meningkat
- Jumlah barang diimport berkurang
- Perbelanjaan atas barang import menurun
- Peningkatan guna tenaga dalam negara

Blok Ekonomi dan Perjanjian Perdagangan

1. Blok ekonomi ialah **satu kumpulan negara yang terdiri daripada beberapa negara yang berada dalam rantau yang berhampiran untuk menjaga kepentingan ekonomi bersama-sama**. Contohnya, Kesatuan Eropah.
2. Perjanjian perdagangan ialah perjanjian yang ditandatangani oleh dua atau lebih negara atas persetujuan bagi isu tarif, kuota dan sekat dan perdagangan lain semasa menjalankan urus niaga sesama negara. Contohnya, Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN Free Trade Area, AFTA).
3. Kesan positif blok ekonomi dan perjanjian perdagangan ialah:

| | |
|---|--|
| (a) Menggalakkan pemindahan teknologi dan kepakaran | (e) Pertambahan peluang pekerjaan |
| (b) Peluasan pasaran | (f) Peningkatan daya saing negara dan kualiti barang |
| (c) Mobiliti modal dan tenaga kerja | (g) Perkongsian sumber tenaga dan bahan mentah |
| (d) Peningkatan pelaburan langsung asing | (h) Penjagaan alam sekitar |

4. Kesan negatif blok ekonomi dan perjanjian perdagangan ialah:

| | |
|---|---|
| (a) Kegawatan ekonomi | (d) Masalah lambakan barang |
| (b) Tekanan ekonomi dan beban hidup golongan miskin | (e) Pencemaran terhadap budaya tempatan |
| (c) Corak penjajahan baharu ekonomi | (f) Ancaman kepada industri muda tempatan |

6.3 Imbangan Pembayaran

Komposisi Dagangan Malaysia

1. Komposisi dagangan Malaysia terdiri daripada eksport dan import.
2. Eksport merujuk **barang dan perkhidmatan yang dijual oleh Malaysia kepada negara asing**.
3. Eksport dibahagi kepada:

| | |
|-----------------------|--------------|
| Eksport nampak | Pertanian |
| | Perlombongan |
| | Pembuatan |

| | |
|---------------------------|--|
| Eksport tak nampak | Perkhidmatan pelancongan |
| | Perkhidmatan pengangkutan |
| | Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat |
| | Perkhidmatan pembinaan |
| | Perkhidmatan insurans dan pencen |
| | Perkhidmatan kewangan |
| | Perkhidmatan perkilangan |
| | Bayaran penggunaan harta intelek |
| | Perkhidmatan peribadi, budaya dan rekreasi |
| | |

4. Import merujuk **barang dan perkhidmatan yang dibeli oleh rakyat Malaysia daripada negara asing**.
5. Import dibahagi kepada:

| | |
|----------------------|-------------------|
| Import nampak | Barang pengantara |
| | Barang modal |
| | Barang pengguna |

| | |
|--------------------------|--|
| Import tak nampak | Perkhidmatan pelancongan |
| | Perkhidmatan pengangkutan |
| | Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat |
| | Perkhidmatan pembinaan |
| | Perkhidmatan insurans dan pencen |
| | Perkhidmatan kewangan |
| | Perkhidmatan perkilangan |
| | Bayaran penggunaan harta intelek |
| | Perkhidmatan peribadi, budaya dan rekreasi |
| | |



Imbangan Pembayaran

1. Imbangan pembayaran merupakan satu rekod sistematik tentang jumlah penerimaan dan jumlah pembayaran kewangan sesebuah negara dengan negara lain dalam tempoh satu tahun.
2. Penerimaan kewangan direkodkan sebagai butiran kredit manakala pembayaran kewangan direkodkan sebagai butiran debit.
3. Tiga komponen dalam imbangan pembayaran ialah:

| Akaun Semasa | Akaun Modal | Akaun Kewangan |
|--|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ➢ Akaun yang merekodkan nilai eksport dan import barang dan perkhidmatan serta pendapatan. ➢ Terdiri daripada butiran yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) Akaun barang (b) Akaun perkhidmatan (c) Akaun pendapatan primer (d) Akaun pendapatan sekunder | <ul style="list-style-type: none"> ➢ Akaun yang merekodkan perubahan bersih dalam pemilikan aset. ➢ Terdiri daripada butiran yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) Perolehan / pelupusan aset bukan kewangan (b) Pindahan modal | <ul style="list-style-type: none"> ➢ Akaun yang merekodkan aliran masuk modal dan aliran keluar modal bagi sesebuah negara. ➢ Terdiri daripada butiran yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) Pelaburan langsung (b) Pelaburan portfolio (c) Derivatif kewangan (d) Pelaburan lain |

Lebihan dan Defisit dalam Akaun Semasa

1. Lebihan akaun semasa bermaksud jumlah penerimaan kewangan lebih besar daripada jumlah pembayaran kewangan dalam akaun semasa.
2. Defisit akaun semasa bermaksud jumlah pembayaran kewangan lebih besar daripada jumlah penerimaan kewangan dalam akaun semasa.

Lebihan dalam akaun semasa disebabkan oleh:

- (a) Permintaan yang tinggi untuk eksport
- (b) Permintaan yang rendah untuk import
- (c) Peningkatan produktiviti
- (d) Peningkatan penerimaan pendapatan primer dan sekunder

Defisit dalam akaun semasa disebabkan oleh:

- (a) Permintaan yang rendah untuk eksport
- (b) Permintaan yang tinggi untuk import
- (c) Penurunan produktiviti
- (d) Peningkatan pembayaran pendapatan primer dan sekunder
- (e) Kekurangan inovasi dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D)

Implikasi lebihan akaun semasa ialah:

- (a) Peningkatan dalam pendapatan negara
- (b) Peningkatan guna tenaga
- (c) Peningkatan taraf hidup
- (d) Inflasi
- (e) Peningkatan kadar pertukaran asing

Implikasi defisit akaun semasa ialah:

- (a) Penurunan dalam pendapatan negara
- (b) Penurunan guna tenaga
- (c) Penurunan taraf hidup
- (d) Penurunan kadar pertukaran asing

3. Cara kerajaan boleh mengatasi defisit akaun semasa ialah:

- (a) Meningkatkan pelaburan dalam kemudahan dan infrastruktur seperti lapangan terbang.
- (b) Mengurangkan import dengan mengenakan sekat seperti tarif dan kuota.
- (c) Meningkatkan peruntukan atau pelaburan ke atas sektor pendidikan dan sektor kesihatan supaya dapat meningkatkan kualiti sumber manusia.
- (d) Peningkatan insentif kerajaan seperti insentif pelaburan, pelepasan cukai dan subsidi eksport.



6.4 (Kadar Pertukara Asing)

- Pertukaran asing merujuk mata wang negara lain yang dimiliki oleh sesebuah negara.

Kepentingan Pertukaran Asing



- Kadar pertukaran asing ialah harga mata wang sesebuah negara yang dinyatakan dalam nilai mata wang asing. Contohnya, kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura ialah SGD1 = RM3.01 atau RM1 = SGD0.33.


| Harga jualan mata wang | Harga belian mata wang |
|--|--|
| <p>Harga jualan mata wang ialah harga bank atau pengurup wang menjual mata wang asing untuk mendapatkan mata wang tempatan sesebuah negara.</p>  | <p>Harga belian mata wang ialah harga bank atau pengurup wang membeli mata wang asing dengan menukar mata wang tempatan sesebuah negara.</p>  |

- Rumus pertukaran mata wang asing

| Pertukaran mata wang tempatan kepada pertukaran asing | Pertukaran asing kepada mata wang tempatan |
|---|--|
| <p>Contohnya, tukar daripada RM kepada USD</p> $\frac{RM}{RM} \times USD$ <p>Harga jualan ialah USD1 = RM4.10. Jumlah yang perlu dibayar untuk mendapatkan RM300 ialah:</p> $\frac{RM300}{RM4.10} \times USD1 = USD73.17$ | <p>Contohnya, tukar daripada USD kepada RM</p> $\frac{USD}{USD} \times RM$ <p>Harga belian ialah USD1 = RM4.10. Jumlah yang perlu dibayar untuk mendapatkan USD300 ialah:</p> $\frac{USD300}{USD1} \times RM4.10 = RM1230$ |



4. Faktor yang mempengaruhi kadar pertukaran asing



5. Kesan perubahan kadar pertukaran asing terhadap eksport dan import

| | Kadar pertukaran asing naik | Kadar pertukaran asing turun |
|-----------------------------|--|--|
| Maksud | <ul style="list-style-type: none"> Seunit mata wang sesebuah negara dapat memperoleh lebih banyak unit mata wang asing. Harga mata wang asing menjadi lebih murah. | <ul style="list-style-type: none"> Seunit mata wang sesebuah negara dapat memperoleh kurang unit mata wang asing. Harga mata wang asing menjadi lebih mahal. |
| Contoh perubahan | $\begin{array}{l} \text{USD1} = \text{RM3.80} \\ \downarrow \\ \text{USD1} = \text{RM3.60} \\ \text{atau} \\ 100 \text{ Yen} = \text{RM3.25} \\ \downarrow \\ 100 \text{ Yen} = \text{RM3.10} \end{array}$ | $\begin{array}{l} \text{USD1} = \text{RM3.80} \\ \downarrow \\ \text{USD1} = \text{RM4.00} \\ \text{atau} \\ 100 \text{ Yen} = \text{RM3.25} \\ \downarrow \\ 100 \text{ Yen} = \text{RM3.35} \end{array}$ |
| Harga eksport | Naik | Turun |
| Permintaan terhadap eksport | Berkurang | Meningkat |
| Jumlah nilai eksport negara | Berkurang | Meningkat |
| Harga import | Turun | Naik |
| Permintaan terhadap import | Meningkat | Berkurang |
| Jumlah nilai import negara | Meningkat | Berkurang |
| Imbangan dagangan | Kejatuhan nilai eksport negara berbanding dengan kenaikan nilai import negara akan menyebabkan imbangan dagangan Malaysia cenderung mengalami defisit. | Kenaikan nilai eksport negara berbanding dengan kejatuhan nilai import negara akan menyebabkan imbangan dagangan Malaysia cenderung mengalami lebihan. |

BAB


1A

Peranan Kerajaan dalam Ekonomi

1.1.1 Peranan Kerajaan sebagai Pengeluar dan Majikan

Buku Teks ms. 2 – 6

- Lengkapkan peta i-THINK berikut tentang barang awam dan barang sosial.

SP
5.1.1

INFO



Jenis-jenis Barang dalam Ekonomi

eP+

- Maklumat di bawah berkaitan dengan satu firma milikan kerajaan.

TP 3

SP
5.1.1

Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan sebuah syarikat bekalan elektrik yang terbesar di Malaysia.

Jelaskan **empat** ciri monopoli semula jadi di atas.

- Terdapat hanya satu firma yang mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam monopolis semula jadi
- Barang keluaran firma kerajaan tidak dikeluarkan oleh firma lain
- Kerajaan merupakan penentu harga barang atau perkhidmatan yang tunggal
- Tiada kebebasan keluar masuk industri disebabkan wujudnya halangan seperti perlindungan undang-undang



AKTIVITI 1.1.1

Buku Teks ms. 6

SP
5.1.1

TP 3

- (a) **Peranan kerajaan sebagai pengeluar**

- (b) Sebab projek tersebut tidak dikeluarkan oleh firma swasta:

- **Tidak menguntungkan.**
- **Pembinaan projek tersebut memerlukan kos modal yang tinggi.**
- **Hanya mampu dibiayai oleh kerajaan selepas mengumpul dana daripada masyarakat melalui kutipan cukai.**

- (c) **Kebajikan masyarakat dapat ditingkatkan.**

- **Barang awam merupakan barang penting kepada masyarakat, jika barang ini tidak dikeluarkan oleh kerajaan, kebajikan masyarakat terjejas. Pengeluaran barang awam oleh kerajaan membolehkan setiap anggota masyarakat menggunakan barang awam dengan bayaran yang paling minimum atau tanpa bayaran.**

- (d) **Kesan projek tersebut terhadap ekonomi negara:**


- **Menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara**
- **Kegiatan ekonomi negara meningkat**
- **Penambahan peluang pekerjaan**
- **Peningkatan guna tenaga**
- **Kadar pengangguran menurun**
- **Peningkatan pendapatan negara**
- **Peningkatan kuasa beli dan permintaan agregat**
- **Peningkatan taraf hidup rakyat**

**1.1.2****Peranan Kerajaan untuk Mencapai Objektif Makroekonomi Negara**

Buku Teks ms. 7 – 12

3. Dengan menggunakan peta i-THINK yang sesuai, tunjukkan objektif makroekonomi yang hendak dicapai oleh kerajaan.

SP 5.1.2



INFO




Mikroekonomi vs Makroekonomi

Terima jawapan lain yang munasabah

4. Berdasarkan rajah di bawah, lengkapkan pernyataan yang berikut tentang guna tenaga.

SP 5.1.2



- (a) Jumlah penduduk sesuatu negara boleh dikelaskan kepada tiga golongan, iaitu penduduk yang berumur kurang daripada 15 tahun, penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun, dan penduduk yang berumur lebih daripada 64 tahun.
- (b) Penduduk yang sanggup bekerja merupakan mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun, tetapi terdapat golongan yang merupakan bukan tenaga buruh yang terdiri daripada orang cacat, pelajar, suri rumah tangga dan sebagainya yang tidak bekerja.

- (c) Tenaga buruh terdiri daripada guna tenaga dan penganggur.
- (d) Guna tenaga merupakan jumlah tenaga buruh yang digunakan oleh sesebuah negara dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan.
- (e) Penganggur pula ialah tenaga buruh yang sepatutnya bekerja tetapi tidak bekerja.
- (f) Pengangguran merupakan suatu situasi di mana terdapat orang yang sanggup bekerja tetapi tidak mempunyai pekerjaan.
- (g) Guna tenaga penuh merujuk kepada keadaan di mana semua tenaga buruh digunakan sepenuhnya dalam kegiatan ekonomi. Kadar pengangguran sebanyak 4% atau kurang disebut guna tenaga penuh.

5. Maklumat di bawah berkaitan dengan tenaga buruh di Malaysia.

SP
5.1.2

| Tahun | Bekerja (ribu orang) | Penganggur (ribu orang) | Kadar pengangguran (%) |
|-------|----------------------|-------------------------|------------------------|
| 2019 | 15 074.4 | 508.2 | 3.3% |
| 2020 | 15 021.1 | 670.2 | 4.3% |

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Tinjauan Ekonomi 2021

- (a) Berapakah bilangan tenaga buruh Malaysia pada tahun 2019 dan 2020?

$$\begin{aligned}\text{Tenaga buruh 2019} &= 15\,074.4 + 508.2 \\ &= 15\,582.6 \text{ ribu orang}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Tenaga buruh 2020} &= 15\,021.1 + 670.2 \\ &= 15\,691.3 \text{ ribu orang}\end{aligned}$$


- (b) Adakah negara mencapai guna tenaga penuh pada tahun tersebut? Jelaskan jawapan anda.

Malaysia mencapai guna tenaga penuh pada tahun 2019 kerana kadar pengangguran pada tahun 2019 adalah kurang daripada 4%, iaitu 3.3%. Malaysia tidak mencapai guna tenaga penuh pada tahun 2020 kerana kadar pengangguran pada tahun tersebut ialah 4.3%, lebih daripada 4%.



6. Maklumat berikut menunjukkan Kadar Inflasi Global, Negara Maju, dan Negara yang Berkembang Pesat dan Negara Membangun, 2019 – 2021.

5.1.2



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Tinjauan Ekonomi 2021

Jawab soalan berikut:

- (a) Jelaskan konsep inflasi.

Inflasi merupakan suatu keadaan di mana tingkat harga umum dalam negara meningkat secara berterusan.

- (b) Huraikan carta di atas.

Carta tersebut menunjukkan kadar inflasi global, negara maju dan negara yang berkembang pesat dan negara membangun dari tahun 2019 hingga tahun 2021. Kadar inflasi global dan negara maju menurun pada tahun 2020 tetapi naik semula pada tahun 2021. Manakala kadar inflasi negara berkembang pesat dan negara membangun semakin menurun sejak tahun 2019.

- (c) Situasi di 6(b) memberi kesan kepada ekonomi negara berkembang pesat dan negara membangun. Jelaskan.

Kadar inflasi yang tinggi akan menyebabkan kos sara hidup semakin meningkat, kuasa beli pengguna akan menurun, akhirnya ekonomi negara tidak dapat berkembang. Trend kadar inflasi bagi negara berkembang pesat dan negara membangun menunjukkan trend menurun dari tahun 2019 hingga tahun 2021, sekiranya trend ini berterusan, maka tingkat harga di negara-negara tersebut dapat distabilkan, masalah inflasi dapat dikawal dan ekonomi negara dapat berkembang.



7. Jadual di bawah menunjukkan kadar pertumbuhan bagi dua buah negara dari tahun 2019 hingga tahun 2021.

SP
5.1.2

| Negara | Kadar pertumbuhan negara (%) | | |
|----------|------------------------------|------|------|
| | 2019 | 2020 | 2021 |
| Negara X | 4.3 | -4.5 | 6.5 |
| Negara Y | 1.5 | -9.8 | 5.9 |

Negara yang manakah mempunyai prestasi ekonomi yang lebih stabil? Jelaskan jawapan anda.

Negara X mempunyai prestasi ekonomi yang lebih stabil. Ini adalah kerana kadar pertumbuhan negara bagi negara X tidak menurun secara drastik pada tahun 2020 berbanding dengan negara Y. Pada tahun 2021, apabila ekonomi negara mulai berpulih, kadar pertumbuhan negara juga meningkat secara stabil.
(Terima jawapan lain yang munasabah)

8. Jadual di bawah menunjukkan Imbangan Pembayaran Malaysia dari tahun 2016 hingga 2020.

SP
5.1.2

| | Tahun | | | | |
|-------------------------------|-------|--------|-------|-------|---------|
| | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020* |
| Imbangan pembayaran (RM juta) | 5 860 | 16 409 | 7 758 | 8 416 | -15 031 |

*Hingga Jun 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Tinjauan Ekonomi 2021

- (a) Jelaskan konsep imbangan pembayaran.

Imbangan pembayaran ialah satu penyata kewangan yang merekodkan aliran wang masuk dan aliran wang keluar sesebuah negara kesan daripada perdagangan antarabangsa dalam tempoh satu tahun.

- (b) Jelaskan trend Imbangan Pembayaran Malaysia dari tahun 2016 hingga 2020.

Imbangan pembayaran Malaysia menunjukkan imbangan pembayaran lebihan sejak tahun 2016. Tetapi Malaysia mengalami imbangan pembayaran defisit pada tahun 2020 akibat daripada pandemik Covid-19.

- (c) Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan dalam membaiki keadaan imbangan pembayaran tersebut?

Kerajaan Malaysia boleh membaiki imbangan pembayaran negara dengan:

- meningkatkan nilai eksport barang dan perkhidmatan
- menggalakkan kemasukan pelaburan asing

**1.1.3****Peranan Kerajaan dalam Mengawal Selia Pengeluar dan Eksternaliti Negatif**

Buku Teks ms. 13 – 18

9. Nyatakan **tiga** cara kerajaan mengawal eksternaliti negatif dan eksloitasi pengguna.

SP

5.1.3 (a) Pelaksanaan undang-undang dan peraturan

(b) Pemberian subsidi

(c) Pengenaan cukai

10. Maklumat berikut berkaitan dengan penetapan harga maksimum ayam dan telur dalam negara.

SP

5.1.3

HARGA MAKSIMUM AYAM STANDARD, AYAM SUPER DAN TELUR AYAM DIKEKALKAN SEHINGGA 30 JUN 2022

PUTRAJAYA, 2 Jun 2022 – Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Jun 2022 bersetuju harga maksimum runcit Ayam Standard, Ayam Super dan Telur Ayam menerusi Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam dilanjutkan sehingga 30 Jun 2022. Ini adalah untuk memastikan Keluarga Malaysia bersedia dengan perubahan harga apabila penentuan harga ini berakhir pada 30 Jun 2022 nanti.

Menurut Menterinya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi, penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam ini telah dilaksanakan sejak 5hb. Februari 2022 dan sepatutnya berakhir pada 5hb. Jun 2022 di mana harga maksimum runcit ayam dan telur bagi Semenanjung Malaysia telah ditetapkan seperti berikut:

Ayam Bulat Standard: RM8.90/kg

Ayam Bulat Super: RM9.90/kg

Telur Ayam Gred A: RM0.43/biji

Telur Ayam Greb B: RM0.41/biji

Telur Ayam Gred C: RM0.39/biji

Bagi Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan, Harga Maksimum Ayam dan Telur adalah berbeza mengikut zon dan daerah.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari Berita KPDHEP

Mengapa kerajaan bertindak sedemikian?

(a) Barang tersebut merupakan barang keperluan

(b) Untuk mengawalkan harga barang tersebut supaya peniaga menjual barang tersebut dengan harga yang munasabah

11. Gambar di bawah menunjukkan keadaan kesesakan lalu lintas.

5.1.3



Bagaimakah kerajaan membendung masalah tersebut?

(a) Menaikkan cukai ke atas kereta

(b) Mengetatkan syarat pembelian kereta

(c) Mengurangkan subsidi minyak

Bab 1(a)

PAK21

eP+



AKTIVITI 1.1.3

Buku Teks ms. 18

TP 3

(a) Sebab kerajaan memberi subsidi atas minyak masak:

- Menstabilkan harga barang
- Mengurangkan kos pengeluaran firma

(b) Setuju:

TP 4

- Dapat mengurangkan beban kerajaan
- Perbelanjaan kerajaan turun
- Defisit kerajaan menurun
- Mengurangkan aktiviti penyeludupan bahan asas ke negara jiran
- Golongan sasar tetap menikmati subsidi kerajaan

Tidak setuju

- Kos memasak peniaga meningkat
- Keuntungan peniaga menurun
- Harga makanan meningkat
- Kos perbelanjaan isi rumah meningkat
- Pendapatan boleh guna isi rumah menurun
- Tabungan isi rumah terjejas
- Kuasa beli isi rumah menurun
- Kos sara hidup meningkat
- Taraf hidup masyarakat terjejas



12. (a) Lengkapkan rajah di bawah tentang peranan kerajaan dalam ekonomi.

TP 1

SP
5.1.3



(b) Jelaskan setiap peranan kerajaan dalam ekonomi.

TP 2

Sebagai pengeluar dan majikan

- Kerajaan mengeluar barang awam dan barang sosial
- Untuk meningkatkan kebijakan dan kemakmuran masyarakat
- Kerajaan memainkan peranan sebagai majikan dengan menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam

Mencapai objektif makroekonomi

- Kajian mengenai ekonomi secara menyeluruh dalam isu umum
- Seperti pendapatan / keluaran negara / guna tenaga / masalah pengangguran
- Contoh: guna tenaga penuh / pertumbuhan ekonomi / kestabilan harga / kestabilan imbangan pembayaran

Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif

- Kerajaan memantau aktiviti pengeluar melalui undang-undang / peraturan
- Mengawal eksplorasi pengguna dengan mengisytiharkan sesetengah barang sebagai barang kawalan
- Memberi subsidi kepada pengeluar untuk mengurangkan kos pengeluaran / menstabilkan harga dalam pasaran
- Memberi subsidi kepada pengeluar yang menggunakan teknologi hijau dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan
- Mengenakan cukai ke atas barang atau perkhidmatan yang boleh menjadikan kesihatan seperti rokok dan alkohol / menyebabkan pencemaran alam sekitar

**1.1.4****Matlamat Kerajaan untuk Menjaga Kebajikan Masyarakat dan Meningkatkan Kemakmuran Negara****TP 4**

13. Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan kerajaan dalam ekonomi.

**SP
5.1.4**

- Peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan
- Peranan kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi
- Peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif

Bagaimanakah ketiga-tiga peranan di atas mampu meningkatkan kebijakan dan kemakmuran negara? Jelaskan.

- Kerajaan memainkan peranan sebagai pengeluar dengan menyediakan barang awam / barang sosial yang tidak dikeluarkan oleh pihak swasta
- Untuk meningkatkan kebijakan dan kesejahteraan masyarakat
- Contoh kemudahan yang disediakan oleh kerajaan: kemudahan asas / sistem pendidikan yang lengkap / kemudahan kesihatan
- Kerajaan memainkan peranan sebagai majikan dengan menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor awam
- Situasi ini membolehkan masyarakat menyumbangkan tenaga dari segi fizikal dan mental
- Guna tenaga memperolehi ganjaran dalam bentuk gaji
- Peranan kerajaan sebagai pengeluar dapat membantu negara mencapai objektif guna tenaga penuh
- Kemudahan lengkap yang disediakan oleh kerajaan mampu menarik pelabur dari luar negara
- Kemasukan aliran modal ke dalam negara akan memperbanyak lagi aktiviti pengeluaran dalam negara seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi negara
- Apabila aliran modal yang masuk ke dalam negara melebihi daripada aliran modal ke luar negara, ia mampu mencapaiimbangan pembayaran lebihan
- Kepelbagaiaktiviti pengeluaran memerlukan pemantauan daripada pihak kerajaan
- Untuk memastikan pengeluar tidak menindas kebijakan pengguna dengan mengaut keuntungan yang berlebihan / mengancam kesejahteraan alam sekitar
- Kerajaan memainkan peranan melalui undang-undang dan peraturan / cukai / subsidi untuk mengawal selia aktiviti pengeluar / eksternaliti negatif



TP 5

14. Maklumat di bawah berkaitan dengan seorang pakar ekonomi, Adam Smith.

SP
5.1.4



Adam Smith merupakan seorang pakar ekonomi yang menulis buku ekonomi yang terkenal iaitu *The Wealth of Nations* dan dianggap sebagai Bapa Ekonomi Modern. Menurut Adam Smith, kerajaan tidak sepatutnya bercampur tangan dalam hal ehwal ekonomi. Menurut beliau, peranan kerajaan hanyalah melindungi rakyat daripada penaklukan tentera luar, memastikan tidak berlaku ketidakadilan serta menyediakan kemudahan seperti yang tidak boleh disediakan oleh individu atau pihak swasta.

Adakah anda setuju dengan pandangan Adam Smith yang mengehadkan campur tangan kerajaan dalam ekonomi? Berikan pendapat anda.

Saya tidak bersetuju, kerana:

- Campur tangan kerajaan akan mewujudkan masyarakat yang lebih adil dari segi agihan pendapatan
- Pasaran bebas menyebabkankekayaan dimiliki oleh sekumpulan individu sahaja dan ini akan menyebabkan sebahagian besar rakyat tertindas
- Campur tangan kerajaan seperti sistem cukai menyebabkan agihan pendapatan yang lebih adil
- Kerajaan boleh membantu golongan berpendapatan rendah dengan menyediakan lebih banyak barang awam dan barang sosial
- Kerajaan juga boleh mengawal selia monopoli semula jadi agar tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya
- Bergantung kepada mekanisme pasaran akan mewujudkan kegagalan pasaran
- Pergantungan kepada mekanisme pasaran akan mewujudkan eksternaliti dan ketidakadilan
- Contohnya, pencemaran alam dan kenaikan harga barang keperluan
- Kerajaan boleh menguatkuasakan undang-undang dan menetapkan peraturan untuk mengurangkan kesan eksternaliti negatif
- Kerajaan juga boleh menggunakan sistem percukaian untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan barang atau perkhidmatan tertentu
- Kerajaan boleh memberi subsidi untuk meningkatkan tahap pengeluaran barang atau perkhidmatan yang penting seperti pendidikan dan pengeluaran barang makanan
- Kerajaan berperanan dalam mencapai objektif makroekonomi
- Campur tangan kerajaan dapat membantu ekonomi negara mencapai objektif makroekonomi iaitu guna tenaga penuh, pertumbuhan ekonomi, kestabilan harga dan imbangan pembayaran lebihan
- Kerajaan boleh menyediakan peluang pekerjaan, mengawal kadar inflasi, mengawal aliran keluar wang serta menggalakkan pelaburan asing untuk mencapai objektif tersebut



15. Situasi di bawah berkaitan dengan program yang dilaksanakan oleh kerajaan.

TP 6

SP
5.1.4**Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)**

Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) merupakan satu program kerjasama antara kerajaan dan syarikat swasta untuk mengurangkan pengangguran dalam kalangan belia Malaysia. Di bawah program ini, syarikat swasta akan merekrut, menemu duga dan melatih belia serta pelajar untuk memperbaiki kebolehan mereka dari aspek komunikasi, pemikiran kreatif, sahsiah dan segala kos akan ditanggung oleh syarikat itu sendiri. Ia ditanggung oleh pemain industri berkenaan. Semenjak Program SL1M dilancarkan pada tahun 2011 sehingga Disember 2016, seramai 99 000 graduan telah menerima latihan melalui program ini.

Bilangan Sekolah, Murid dan Guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia

Kerajaan Malaysia menyediakan pendidikan percuma kepada 5 074 612 orang murid dengan menggaji 421 828 orang guru yang mengajar di 7 772 buah sekolah rendah dan 2 408 buah sekolah menengah di seluruh negara. Dalam Bajet 2016, kerajaan telah memperuntukkan RM41.3 bilion kepada Kementerian Pendidikan.

Subsidi bernilai RM10 bilion di bawah Bajet 2017

Peruntukan subsidi kerajaan di bawah bajet 2017 ialah RM10 bilion yang akan digunakan untuk bahan api, gas memasak, pampasan tol dan pengangkutan awam. Untuk membantu pesawahan pula, kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion untuk harga padi, benih dan baja padi. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan bantuan sebanyak RM250 juta untuk membantu pekebun kecil getah dengan membeli getah pada harga lantai.

- (a) Kenal pasti peranan kerajaan bagi setiap situasi di atas.

- SL1M ialah program untuk mencapai objektif makroekonomi negara iaitu mencapai guna tenaga penuh.
- Penyediaan pendidikan percuma ialah peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan.
- Pemberian subsidi menunjukkan peranan kerajaan untuk mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif.

- (b) Wajarkah kerajaan menyediakan pendidikan percuma? Berikan huraian anda secara terperinci.

Ya, kerana:

- Meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan masyarakat
- Menjaga kebijakan masyarakat – Melahirkan sumber manusia yang lebih berdaya saing
- Mengurangkan beban kewangan masyarakat
- Mampu menyediakan pendidikan yang selaras untuk semua rakyat
- Mewujudkan perpaduan kaum – Menggalakkan pelaburan asing
- Menurunkan kadar kemiskinan – Mewujudkan peluang pekerjaan



- (c) Ada pihak yang berpendapat bahawa kerajaan sepatutnya menyediakan pendidikan percuma sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Adakah anda bersetuju dengan cadangan tersebut? Berikan pendapat anda.

Tidak, kerana:

- Kos pendidikan tinggi terlalu mahal
- Kerajaan telah memberi subsidi sehingga 90%
- Menambahkan beban kewangan kerajaan
- Masih memerlukan sumber kewangan untuk membangunkan bidang lain seperti perumahan dan kesihatan
- Merupakan tanggungjawab ibu bapa untuk menyediakan tabungan yang mencukupi untuk yuran pendidikan anak mereka
- Ada skim pembiayaan pendidikan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)

- (d) Jelaskan kesan pemberian subsidi terhadap pesawah padi.

Kesan pemberian subsidi terhadap pesawah padi:

- Pengeluaran padi meningkat
- Mengeluarkan padi dengan kos yang lebih rendah
- Pendapatan pesawah meningkat
- Kuasa beli pesawah meningkat
- Taraf hidup pesawah meningkat
- Menarik lebih ramai individu menceburkan diri dalam penanaman padi

- (e) Selain SL1M, senaraikan program-program kerajaan yang lain untuk membantu pembangunan sumber manusia di Malaysia.

- Menubuhkan “Talent Corporation”
- Menubuhkan institusi kemahiran seperti kolej vokasional dan Institusi Latihan Perindustrian
- Mewujudkan tabung pembangunan sumber manusia untuk latihan pekerja

BAB

1B

Penunjuk Ekonomi

1.2.1 Indeks Harga Pengguna

Buku Teks ms. 22 – 25

1. Jadual di bawah menunjukkan Indeks Harga Pengguna Malaysia ($2010 = 100$) bagi tempoh 2017 – 2020.

SP 5.2.1

INFO

Kalkulator IHP
Malaysia

| Tahun | Indeks Harga Pengguna |
|-------|-----------------------|
| 2017 | 119.5 |
| 2018 | 120.7 |
| 2019 | 121.5 |
| 2020 | 120.1 |

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)

- (a) Apakah maksud Indeks Harga Pengguna?

Indeks Harga Pengguna mengukur harga purata barang dan perkhidmatan yang biasanya digunakan oleh isi rumah pada tempoh masa yang ditetapkan.

- (b) Jelaskan trend Indeks Harga Pengguna Malaysia dari tahun 2017 hingga tahun 2020.

Indeks Harga Pengguna Malaysia menunjukkan trend semakin meningkat dari tahun 2017 hingga tahun 2019. Kemudian menurun sedikit pada tahun 2020. Ini bermaksud harga purata barang dan perkhidmatan mengalami peningkatan harga secara berterusan. Keadaan ini jelas menunjukkan berlakunya inflasi dalam ekonomi.



AKTIVITI 1.2.1

Buku Teks ms. 25

TP 1

- (a) Indeks harga pengguna mengukur perubahan harga purata sekumpulan barang dan perkhidmatan yang terpilih dalam ekonomi bagi suatu tahun berbanding dengan suatu tahun dasar.

- (b) 100

- (c) Makanan dan minuman bukan alkohol.



1.2.2 Inflasi

Buku Teks ms. 26 – 30

2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan inflasi?

TP 2

SP
5.2.2

Inflasi menunjukkan sesuatu keadaan di mana tingkat harga umum barang dan perkhidmatan naik secara menyeluruh dan berterusan.

- (b) Nyatakan jenis inflasi berdasarkan pernyataan yang berikut.

| Keterangan | | Jenis inflasi |
|------------|--|----------------------------|
| (i) | Kenaikan harga faktor pengeluaran seperti harga bahan mentah, kos pengangkutan menyebabkan kenaikan kos pengeluaran. Pengeluar memindahkan kenaikan kos pengeluaran itu kepada pengguna dalam bentuk harga yang lebih tinggi bagi mengekalkan margin keuntungan. | Inflasi tolakan kos |
| (ii) | Merujuk kepada kenaikan tingkat harga umum apabila permintaan masyarakat terhadap barang dan perkhidmatan melebihi penawarannya dalam pasaran. Peningkatan permintaan sedangkan penawaran adalah tetap akan menyebabkan harga pasaran meningkat. | Inflasi tarikan permintaan |

1.2.3 Kesan Inflasi

Buku Teks ms. 31 – 35

3. Petikan di bawah berkaitan dengan kadar inflasi di Malaysia.

TP 4

SP
5.2.3

Indeks harga pengguna Malaysia naik 4.4%

Indeks harga pengguna (IHP) yang merupakan alat untuk mengukur kadar inflasi di peringkat tempatan telah meningkat sebanyak 4.4% pada bulan April 2017 berbanding dengan tahun sebelumnya.

Berdasarkan keterangan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, keadaan ini disebabkan oleh kenaikan dalam kos pengangkutan dalam makanan.

Menurut tinjauan Reuters, kadar inflasi berlegar-legar di bawah 4.5 peratus dalam ramalan kadar tahunan turun daripada 5.1 peratus pada Mac yang menjadi kadar tertinggi dalam tempoh lapan tahun.

Kos pengangkutan pada bulan April meningkat 16.7 peratus disebabkan kenaikan harga bahan api manakala harga makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 4.1 peratus.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.malaysiakini.com.my)

- (a) Apakah jenis inflasi tersebut?

Inflasi tolakan kos

VIDEO



Apa itu Inflasi?

- (b) Mengapa ia berlakunya situasi di 3(a)?

Peningkatan dalam harga bahan api secara langsungnya akan meningkatkan kos pengangkutan dalam makanan. Kenaikan kos pengangkutan dalam makanan akan meningkatkan kos pengeluaran makanan. Apabila kos pengeluaran meningkat, pengeluar makanan yang ingin mengekalkan margin keuntungan akan meningkatkan beban kos tersebut kepada pengguna dengan menaikkan harga makanan. Oleh itu, tingkat harga umum di pasaran akan meningkat dan berlakunya inflasi tolakan kos.

BAB 1(b)

PAK21

eP+

BAB

1C

Alat Dasar Ekonomi

1.3.1 Dasar Fiskal

Buku Teks ms. 62 – 64

1. (a) Jelaskan konsep dasar fiskal.

SP
5.3.1

Merupakan satu dasar kerajaan yang dilaksanakan melalui perubahan dasar cukai dan perbelanjaan kerajaan untuk mencapai kestabilan ekonomi (tanpa inflasi / pengangguran / kemelesetan ekonomi).

TP 1

VIDEO



Dasar Fiskal

- (b) Jelaskan perbezaan antara dasar fiskal mengembang dan dasar fiskal menguncup. TP 2 TP 3

| Dasar fiskal mengembang | Dasar fiskal menguncup |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan permintaan agregat Menurunkan kadar cukai / meningkatkan perbelanjaan kerajaan Digunakan ketika kemelesetan ekonomi / pengangguran Penurunan cukai meningkatkan pendapatan boleh guna masyarakat Kuasa beli / permintaan individu meningkat Meningkatkan perbelanjaan kerajaan menggalakkan pengeluar meningkatkan pengeluaran Buruh ramai digunakan | <ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan permintaan agregat Meningkatkan kadar cukai / mengurangkan perbelanjaan kerajaan Digunakan ketika inflasi Kenaikan kadar cukai mengurangkan pendapatan boleh guna masyarakat Kuasa beli / permintaan individu menurun Mengurangkan perbelanjaan kerajaan dapat memperlambangkan pertumbuhan ekonomi Buruh kurang digunakan |

BAB 2A

Globalisasi

2.1.1 Globalisasi

Buku Teks ms. 120 – 122

TP 1

1. Jawab soalan yang berikut:

SP


- 6.1.1 (a) Globalisasi merujuk proses interaksi dan integrasi antara manusia, firma, dan kerajaan pelbagai negara.
- (b) Dengan menggunakan rajah yang sesuai, senaraikan ciri globalisasi.

Bab 2(a)

VIDEO



Globalisasi



Terima jawapan lain yang munasabah



AKTIVITI 2.1.1

Buku Teks ms. 122

TP 3

- (a) Tiga contoh globalisasi dalam kehidupan:

- Kemasukan produk asing di pasaran seperti pakaian, alat elektronik dan makanan.
- Perniagaan dan pembelian dalam talian semakin berkembang.
- Semakin banyak syarikat multinasional bertapak di Malaysia seperti KFC, IBM, Tesco.

BAB 2B

Perdagangan Antarabangsa

2.2.1 Perdagangan Antarabangsa


Buku Teks ms. 140 – 144

TP 1

1. Lengkapkan pernyataan di bawah:

SP

- 6.2.1 (a) Perdagangan Antarabangsa merupakan urusan jual beli barang dan perkhidmatan antara sebuah negara dengan negara lain.
- (b) Peta di bawah berkaitan dengan hubungan perdagangan Malaysia.



- (i) Kenal pasti jenis perdagangan bagi urus niaga I dan urus niaga II.

Urus niaga I: Perdagangan dalam negeri

Urus niaga II: Perdagangan antarabangsa

INFO



Perdagangan
Antarabangsa
vs Perdagangan
dalam Negeri

- (ii) Senaraikan **empat** sebab berlakunya aktiviti perdagangan bagi urus niaga II.

- Perbezaan sumber semula jadi
 - Perbezaan harga faktor pengeluaran
 - Perbezaan iklim dan jenis tanah
 - Perbezaan cita rasa pengguna
 - Perbezaan budaya masyarakat
 - Perbezaan tingkat kecekapan pengeluaran
- (mana-mana empat)

BAB

2C

Imbangan Pembayaran

2.3.1

Komposisi Dagangan dan Arah Aliran Perdagangan Malaysia

Buku Teks ms. 176 – 185

1. Lengkapkan ayat di bawah.

- SP** 6.3.1 (a) Komposisi dagangan Malaysia terdiri daripada eksport dan import.
- (b) Eksport merupakan barang dan perkhidmatan yang dijual oleh Malaysia kepada negara asing.
- (c) Eksport terdiri daripada eksport barang nampak dan eksport barang tak nampak.
- (d) Import merupakan barang dan perkhidmatan yang dibeli oleh rakyat Malaysia daripada negara asing.
- (e) Import terdiri daripada import barang nampak dan import barang tak nampak.

2. Nyatakan eksport barang nampak dan contoh.

| Jenis eksport barang nampak | Contoh barang |
|-----------------------------|--|
| (a) Perlombongan | Minyak mentah, gas asli cecair, bauksit, bijih timah |
| (b) Pertanian | Getah asli, minyak sawit, koko, kayu balak |
| (c) Pembuatan | Barang elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian, perabot |

3. Nyatakan import barang nampak dan contoh.

| Jenis import barang nampak | Contoh barang |
|----------------------------|---|
| (a) Barang modal | Mesin, jentera, kapal terbang |
| (b) Barang pengguna | Makanan dan minuman |
| (c) Barang pengantara | Bahan api dan pelincir, makanan dan minuman, kelengkapan pengangkutan |

BAB

2D

Kadar Pertukaran Asing

2.4.1 Pertukaran Asing

Buku Teks ms. 201 – 205



AKTIVITI 2.4.1

Buku Teks ms. 205

TP 3

PPT

1. (a)

| | A | B | C |
|---|---|---|---|
| Urus niaga yang melibatkan pertukaran asing | ✓ | ✓ | ✗ |

2.

| | Negara | Mata wang |
|-----|---------------|--------------|
| (a) | Jepun | Yen |
| (b) | Myanmar | Kyat |
| (c) | Perancis | Franc / Euro |
| (d) | Filipina | Peso |
| (e) | Indonesia | Rupiah |
| (f) | Thailand | Baht |
| (g) | Korea Selatan | Won |

1. Nyatakan kepentingan mata wang negara lain kepada sesebuah negara.

- (a) Membaiayai import
- (b) Membayar balik pinjaman luar negara
- (c) Membuat pelaburan di luar negara
- (d) Mempertahankan nilai mata wang negara

INFO



Sejarah Mata Wang

MODUL SPM

UJIAN

SKOP

HALAMAN

UJIAN 1

Bab 1a – Bab 1c

80 – 90

UJIAN 2

Bab 2a – Bab 2d

91 – 102

**KERTAS MODEL
SPM**

103 – 117

**eKERTAS MODEL
SPM**




<https://qr.pelangibooks.com/?u=6Qg7t2CR>

*Jangan lupa Pelangi Online Test (POT)
untuk latihan ekstra!*



<https://qr.pelangibooks.com/?u=POTEK5>

Enrolment key: w79Ue@b6





UJIAN 1


Skor
/100

KERTAS 1

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Gambar 1 menunjukkan suatu barang.

BAB
1A
Buku Teks
ms. 2-6



Gambar 1

Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang barang-barang di atas?

- A Disediakan oleh pihak kerajaan
 - B Merupakan barang kehendak
 - C Mempengaruhi pendapatan individu
 - D Memaksimumkan keuntungan bagi pihak kerajaan
2. Antara yang berikut, yang manakah tujuan kerajaan menyediakan barang awam?
- A Memajukan negara
 - B Kos pengeluaran murah
 - C Menjaga kebajikan rakyat
 - D Mewujudkan persaingan antara penduduk bandar dengan luar bandar
3. Antara yang berikut, situasi yang manakah menunjukkan faedah sampingan kepada penjawat awam?

BAB
1A
Buku Teks
ms. 2-6

- I Puan Wan Halimah menuaikan umrah pada bulan depan
 - II Encik Pathma menggunakan wang pesara untuk melancong ke Hyrabad, India
 - III Cik Cindy dapat menikmati perubatan percuma yang disediakan oleh majikannya
 - IV Encik Farhan memperoleh kupon makanan di kantin
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4. Antara yang berikut, yang manakah merupakan masalah makroekonomi?

BAB
1A
Buku Teks
ms. 7-12

- | | |
|---|------------------------------------|
| I Inflasi | III Kekurangan |
| II Deflasi | IV Kos lepas |
| <input checked="" type="radio"/> A I dan II | <input type="radio"/> C II dan III |
| <input type="radio"/> B I dan IV | <input type="radio"/> D III dan IV |

5. Antara yang berikut, yang manakah boleh ubah makroekonomi yang digunakan untuk mengukur pencapaian kegiatan ekonomi sebuah negara?

- A Pendapatan negara
- B Kadar pengangguran
- C Kos pengeluaran
- D Faedah sosial

6. Gambar 2 menunjukkan sesuatu aktiviti yang dilakukan.

BAB
1A
Buku Teks
ms. 7-12

BAB
1A
Buku Teks
ms. 2-6

BAB
1A
Buku Teks
ms. 7-12

BAB
1A
Buku Teks
ms. 7-12

BAB
1A
Buku Teks
ms. 7-12

BAB
1A
Buku Teks
ms. 13-18



Gambar 2

Apakah kesan eksternaliti akibat daripada aktiviti di atas?

- A Meningkatkan kadar kemiskinan
- B Menambahkan pendapatan negara
- C Tahap kesihatan rakyat menurun
- D Penggunaan elektrik meningkat

7. Antara yang berikut, yang manakah merupakan barang kawalan?

- A Ayam dan lada hitam
- B Ayam dan tepung
- C Minyak dan baju
- D Minyak masak dan gandum

8. Bagaimanakah kerajaan mengawal kesan eksternaliti negatif?

- I Mewujudkan kawasan perindustrian
- II Menyediakan faedah sampingan
- III Menaikkan cukai pendapatan perseorangan
- IV Menggalakkan pengeluar menggunakan kaedah mesra alam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



9. Antara yang berikut, yang manakah kesan pertumbuhan ekonomi?

- I Penciptaan peluang pekerjaan yang banyak
 - II Penurunan kuasa beli rakyat
 - III Kemerosotan tenaga buruh
 - IV Kadar pengangguran kurang daripada 4%
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

10. Antara yang berikut, yang manakah maksud Indeks Harga Pengguna (IHP)?

- A Perubahan kuantiti diminta akibat daripada perubahan harga barang itu sendiri
- B Perubahan harga barang itu sendiri akibat daripada perubahan kuantiti ditawar
- C** Perubahan purata harga sekumpulan barang bagi sesuatu tahun berbanding dengan tahun semasa
- D Perubahan purata harga sekumpulan barang bagi sesuatu tahun berbanding dengan tahun semasa

11. Maklumat berikut berkaitan dengan inflasi.

Harga bahan mentah seperti simen, batu, cat meningkat sebanyak 3% selepas PKP. Hal ini menyebabkan harga barang di pasaran meningkat dua kali ganda.

Apakah jenis inflasi yang berlaku tersebut?

- A Inflasi diimport
- B Inflasi tarikan permintaan
- C** Inflasi tolakan kos
- D Inflasi bermusim

12. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan kesan inflasi terhadap ekonomi?

- I Kos sara hidup menurun
 - II Taraf hidup rakyat meningkat
 - III Pertumbuhan ekonomi menunjukkan positif
 - IV Nilai wang merosot
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

13. Jadual 1 menunjukkan data tenaga buruh dan penduduk di Malaysia pada tahun 2020.

| Butiran | Bilangan (ribu) |
|--------------|-----------------|
| Penduduk | 32 657.0 |
| Tenaga buruh | 15 691.3 |
| Guna tenaga | 15 021.1 |

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Tinjauan Ekonomi 2021

Jadual 1

Berapakah kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 2020?

- A** 2.07% **C** 4.27%
B 3.03% **D** 5.75%

14. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang pengangguran berstruktur?

- I Berlaku apabila keadaan ekonomi adalah lembap
 - II Berlaku apabila perubahan struktur ekonomi negara
 - III Berlaku apabila pekerja kurang mobiliti
 - IV Berlaku apabila pekerja tidak berkemahiran
- A** I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

15. Antara yang berikut, yang manakah faktor berlakunya pengangguran geseran?

- I Pekerja kurang berminat mencari pekerjaan
 - II Majikan mengambil masa yang lama untuk mengambil pekerja
 - III Firma mengurangkan pengeluaran barang dan perkhidmatan
 - IV Tempat bekerja berdekatan dengan tempat tinggal
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16. Apakah maksud Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)?

- A Nilai barang-barang dan perkhidmatan yang dihasilkan dengan menggunakan faktor pengeluaran milik negara itu sendiri
- B** Nilai barang-barang dan perkhidmatan yang dihasilkan di dalam negeri bagi tempoh setahun dengan menggunakan semua faktor pengeluaran dalam negara
- C Nilai eksport lebih besar daripada nilai import dalam perdagangan antarabangsa
- D Merupakan jumlah pendapatan yang diterima oleh semua penduduk di sesebuah negara

17. Taraf pembangunan ekonomi sesebuah negara boleh diukur berdasarkan

- A imbalan pembayaran
- B** pendapatan negara
- C kadar inflasi
- D kadar pengangguran

KERTAS 2

BAHAGIAN A

1. (a) Gambar 1 menunjukkan barang yang disediakan oleh kerajaan.



Gambar 1

Jelaskan tujuan kerajaan menyediakan barang di atas.

- Barang awam [1m]
- Dikeluarkan oleh pihak kerajaan [1m]
- Tujuan adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat [1m]
- Meningkatkan taraf hidup rakyat [1m]
- Perbelanjaan pembangunan dalam sektor perkhidmatan sosial [1m]
- Meningkatkan kadar kesihatan rakyat [1m]
- Menawarkan peluang pekerjaan [1m]

[5 markah]

- (b) Gambar 2 menunjukkan suatu firma kerajaan.



Gambar 2

Jelaskan ciri firma kerajaan tersebut.

- Monopoli semula jadi [1m]
- Terdapat satu firma tunggal [1m]
- Keluaran tidak ada pengganti [1m]
- Penentu harga pasaran [1m]
- Tiada kebebasan keluar masuk dalam industri [1m]

[5 markah]

UJIAN 2

Skor

/100

KERTAS 1

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang maksud globalisasi?

BAB
2A
Buku Teks
ms.
120-122

- A Perkembangan teknologi di sesebuah negara
- B** Proses pengintegrasian ekonomi antarabangsa
- C Perpindahan tenaga buruh dan modal
- D Proses pengeluaran barang dan perkhidmatan di sesebuah negara

2. Antara yang berikut, yang manakah ciri globalisasi?

BAB
2A
Buku Teks
ms.
120-122

- I Pasaran baharu
 - II Pelaburan baharu
 - III Sistem percuakan baharu
 - IV Kaedah komunikasi baharu
- A I dan II
 - B** I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **benar** tentang syarikat multinasional?

BAB
2A
Buku Teks
ms.
123-127

- A** Syarikat besar beroperasi beberapa cawangan di seluruh dunia
- B Syarikat besar beroperasi beberapa cawangan di sesebuah negara
- C Syarikat besar dan syarikat kecil beroperasi di sesebuah pasaran
- D Syarikat besar beroperasi dalam jangka masa panjang dan pendek

4. Antara yang berikut, faktor yang manakah mendorong syarikat beroperasi di peringkat antarabangsa?

BAB
2A
Buku Teks
ms.
123-127

- I Perlindungan perdagangan
 - II Pasaran di luar negara yang tepu
 - III Kos pengeluaran akan berkurang
 - IV Tenaga buruh yang kosnya rendah
- A I dan II
 - C** II dan III
 - B** I dan IV
 - D III dan IV

5. Antara yang berikut, yang manakah kebaikan globalisasi?

BAB
2A
Buku Teks
ms.
128-132

- A** Mencipta peluang pekerjaan

- B Meningkatkan kadar pertambahan penduduk
- C Mengurangkan tingkat teknologi dalam proses pengeluaran
- D Berdaya saing dengan syarikat multinasional

6. Antara yang berikut, yang manakah kelebihan penggunaan teknologi maklumat dalam proses globalisasi?

BAB
2A
Buku Teks
ms.
128-132

- I Meningkatkan daya pengeluaran
 - II Mengakses maklumat dengan mudah
 - III Memudahkan proses komunikasi
 - IV Memudahkan mobiliti buruh
- A I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D III dan IV

7. Antara yang berikut, yang manakah kesan positif pelaburan langsung asing (FDI) terhadap pertumbuhan ekonomi?

BAB
2A
Buku Teks
ms.
133-139

- A Kurang keupayaan meningkatkan barang dan perkhidmatan
- B** Produktiviti pekerja meningkat dalam proses pengeluaran
- C Meningkatkan mutu bahan mentah dan komponen
- D Menyediakan pelbagai intensif kepada warga asing

8. Antara yang berikut, yang manakah kesan negatif pelaburan asing terhadap ekonomi?

BAB
2A
Buku Teks
ms.
133-139

- A Meningkatkan keupayaan sektor ekonomi
- B** Aliran untung ke luar negara
- C Meningkatkan modal pelaburan
- D Berlaku mobiliti teknologi dalam aktiviti ekonomi

9. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang entrepot?

BAB
2A
Buku Teks
ms.
140-144

- A Menghasilkan barang dan perkhidmatan untuk kegunaan negara sendiri
- B Menjual barang X kepada negara Y
- C** Membeli barang dari negara Q, memproses di negara M dan eksport semula ke negara Q
- D Membeli barang dari negara T dan memproses di negara L

KERTAS MODEL SPM

Skor

/100

Kertas 1

1 jam 15 minit

Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

- Pernyataan manakah yang **betul** tentang sumber buruh?
A Buruh memperolehi sewa
B Buruh mempunyai penawaran tidak terhad yang menyebabkan untungnya meningkat secara berterusan
C Buruh merupakan individu yang menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan output
D Buruh ialah individu yang memberikan hasil pengeluaran secara produktif sama ada secara fizikal atau mental
- Encik Usin membuka sebuah kilang kicap di kampung Parit Raja Ahmad. Beliau mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada 30 orang penduduk di kampung tersebut.
Pernyataan manakah yang **betul** tentang Encik Usin?
A Mendapat ganjaran dalam bentuk upah
B Menggabungkan input-input pengeluaran bagi menghasilkan output
C Menyumbangkan modal dalam proses pengeluaran
D Merupakan sumber ekonomi yang diperlukan untuk melicinkan proses pengeluaran
- Jadual 1 menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat Perabot Shopea.

| Keluaran (unit) | Intensif buruh | Intensif modal |
|-----------------|----------------|----------------|
| Set Meja Jati | 100 | 80 |
| Katil Berukir | 80 | 100 |

Jadual 1

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Perabot Shopea sekiranya teknik intensif modal digunakan?

- A** 40 unit set meja jati
B 60 unit katil berukir
C 20 unit set meja jati
D 160 unit katil berukir
- Antara berikut, yang manakah merupakan andaian dalam analisis Keluk Kemungkinan Pengeluaran?
I Ekonomi mengeluarkan 2 jenis barang
II Sumber ekonomi tidak terhad
III Tingkat teknologi boleh berubah
IV Ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh
A I dan II **C** II dan IV
B I dan III **D** III dan IV
 - Pilih pasangan yang **betul** bagi sistem kapitalis.

| | Masalah asas ekonomi | Keterangan |
|----------|--------------------------------|---|
| A | Apa yang hendak dikeluarkan | Diselesaikan dengan tujuan memaksimumkan kebajikan masyarakat |
| B | Berapa yang hendak dikeluarkan | Bergantung kepada pendapatan masyarakat |
| C | Bagaimana hendak dikeluarkan | Dikeluarkan melalui penggabungan faktor pengeluaran secara optimum untuk memaksimumkan keuntungan |
| D | Untuk siapa dikeluarkan | Untuk semua masyarakat |